

Kuin perlu lakukan transformasi

ALOR SETAR 1 Julai - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) perlu melakukan transformasi jika mahu terus relevan sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyumbang ilmu kepada rakyat.

Sehubungan itu, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir



MUKHRIZ

menyarankan warga Kuin bermuhasabah dan melihat ke arah mana haluan IPT itu perlu dibawa pada masa kini.

“Kita perlu duduk dan bermunasabah bagaimana kita ingin mengikut arus perubahan supaya Kuin kekal relevan mengikut arus zaman.

“Pihak lain akan terus jalan ke depan dan jika kita tidak berubah atau dalam erti kata lain transformasi kita akan terus ketinggalan.

“Sekarang kalau kita hanya berjalan kita boleh tertinggal di belakang, bagi saya biar kita sentiasa menjadi orang yang berlari menuju kejayaan,” katanya berucap dalam majlis berbuka puasa bersama kakitangan dan pelajar Kuin semalam.

Menurut Mukhriz, antara cara terbaik untuk kekal menjadi sebuah IPT maju adalah melalui ilmu.